

SEMBAH ALU-ALUAN

**YANG BERHORMAT
PEHIN ORANG KAYA SERI KERNA DATO SERI SETIA
HJ AWANG ABU BAKAR BIN HJ APONG
MENTERI PENDIDIKAN
SELAKU Pengerusi BERSAMA**

DI

MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU KE-25 TAHUN 2015

PADA

**RABU, 23 SEPTEMBER 2015 , JAM 9 PAGI
DEWAN PLENARY, PUSAT PERSIDANGAN
ANTARABANGSA BERAKAS**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

***Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalatu
Wassalamu 'Alaa Asyrafil Anbiaiee Wal-
mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa 'Alaa
Alihie Wasahbihie Ajma'een***

Mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ampun Beribu Ampun,

Dengan penuh hormat dan takzim hamba Kebawah Duli Tuan Patik mewakili Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Guru Ke-25 Tahun 2015 dan semua warga guru sukacita merafakkan sembah dan dengan penuh kesyukuran kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala menjunjung kasih di atas limpah kornia

perkenan Kebawah Duli Tuan Patik berangkat bercemar duli ke Majlis Sambutan Hari Guru Ke-25, Tahun 2015 pada pagi ini, dan seterusnya mengurniakan titah, menyempurnakan pengurniaan Anugerah-Anugerah Hari Guru serta berangkat untuk menyaksikan pameran dan seterusnya berkenan pula menerima junjung ziarah dari para guru.

Keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ini amat tinggi nilainya kepada warga guru yang setentunya menjadi ristaan dan menjadi perangsang kepara guru untuk terus meningkatkan lagi usaha dan bekerja dengan lebih gigih ke arah menyumbang kepada perkembangan pendidikan negara.

1. TEMA: GURU PEMANGKIN INSAN BERWAWASAN

Ampun Beribu Ampun,

Disembahkan bahawa tema sambutan pada tahun ini ialah "**Guru Pemangkin Insan Berwawasan**" yang memfokuskan kepada pentingnya peranan guru

itu dalam mendidik anak bangsa menjadi insan yang berguna, berwawasan, mempunyai tekad dan matlamat, berakidah, bermoral, dinamik dan berkualiti, duniawi dan ukhrawi, berpasak kepada falsafah Melayu Islam Beraja.

Ke arah itu, para guru perlu mempunyai jati diri yang kukuh dalam menempuhi pelbagai cabaran dan perubahan secara positif dan pro-aktif dengan penuh tawakkal kepada Allah Subhanhu Wata'ala.

Dalam masa yang sama guru mesti dapat membawa para ibu bapa dan masyarakat secara kolektif dalam usaha meningkatkan kemajuan para pelajar selaras dengan pendekatan *a whole of nation approach*.

2. KUALITI GURU & KEPIMPINAN SEKOLAH

Ampun Beribu Ampun,

Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama sentiasa berusaha untuk meningkatkan

kualiti para guru, sesuai dengan perkembangan dan evolusi pendidikan.

Pada tahun lepas, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan **Standard Guru Brunei** atau ***Brunei Teachers Standard (BTS)***, iaitu sebuah kerangka kecekapan guru yang memfokuskan kepada mempertingkatkan lagi kualiti pengajaran guru dan hasil pembelajaran pelajar.

Selaras dengan titah Kebawah Duli Tuan Patik sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Tuan Patik ke-69 Tahun pada 15 Ogos 2015 yang lalu, bagi perlunya perkhidmatan awam menerapkan 'budaya prestasi' atau '*performance culture*' dalam perkhidmatan awam, maka Kementerian Pendidikan telahpun membentuk satu instrument iaitu ***Teacher Performance Appraisal*** (TPA) atau Penilaian Prestasi Guru, khusus untuk menilai kapasiti dan pencapaian para guru. Ianya dirangka dengan penglibatan daripada pelbagai pihak termasuk para guru dan pemimpin-pemimpin sekolah agar ianya relevan dalam konteks pendidikan negara dan menepati matlamat kualiti yang dihasratkan.

Teacher Performance Appraisal (TPA), In syaa Allah akan mula digunakan pada tahun hadapan.

Seiringan dengan itu juga, satu inisiatif untuk meningkatkan lagi kualiti kepimpinan sekolah sedang dilaksanakan yang diharap dapat menyumbang meningkatkan keupayaan dan kompetensi para guru.

Dalam hal ini, satu piawaian sedang giat dirangka iaitu **Standard Kepimpinan Sekolah** atau ***School Leadership Standard*** yang bertujuan untuk menetapkan tahap kompetensi para pemimpin sekolah dan seterusnya akan memandu para pemimpin sekolah ke arah kepimpinan sekolah yang cemerlang.

Dalam pada itu juga, abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik akan terus berusaha di dalam memantapkan pendidikan dan impaknya yang di sukati dari aspek pencapaian berasaskan hasil (*outcome-based*). Profesionalisme Guru dan Kepimpinan Sekolah akan terus diberikan perhatian berat.

3. INISIATIF PENDIDIKAN RENDAH

Alhamdulillah, berkat daulat dan kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Tuan Patik jua, usaha-usaha Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam meningkatkan lagi kualiti pendidikan di Negara ini dilaksanakan dengan sokongan padu daripada pelbagai pihak terutama agensi-agensi Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik. Kerjasama padu dan berterusan Unit PENGGERAK Jabatan Perdana Menteri dapat memberikan '*external drive*' yang dapat membantu melaksanakan Inisiatif Pendidikan Rendah bagi jangka pendek dan jangka panjang untuk meningkatkan lagi kualiti pendidikan rendah di Negara ini.

Ampun beribu ampun,

Sempena Majlis ini, hamba Kebawah Duli Tuan Patik mewakili seluruh warga guru di negara ini menyembahkan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi Kepada Majlis Kebawah Duli Tuan Patik dan Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik.

Abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik, In syaa Allah akan terus berusaha gigih dengan penuh iltizam dalam memberikan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti demi untuk mencapai aspirasi negara mencapai Wawasan Negara 2035.

4. PENUTUP

Ampun Beribu Ampun,

Di kesempatan ini, hamba Kebawah Duli Tuan Patik sukacita menyampaikan ucapan Selamat Hari Guru kepada semua warga guru, dengan iringan doa semoga segala sumbangan ikhlas dan jasa bakti para guru akan mendapat ganjaran yang setimpal dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Sebelum hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung anugeraha berundur diri, sekali lagi hamba Kebawah Duli Tuan Patik dan bagi mewakili Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Guru Ke-25, Tahun 2015 serta warga guru menyembahkan setinggi-

tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan
Kebawah Duli Tuan Patik ke majlis pagi ini.

Akhirnya, hamba Kebawah Duli Tuan Patik
menjunjung perkenan bagi menyembahkan
menjunjung kasih di atas keberangkatan Paduka-
Paduka Anakanda dan Paduka-Paduka Adinda Kebawah
Duli Tuan Patik:

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran
Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee
Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri;

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran
Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar,
Pengiran Muda Mohammed Bolkiah, Menteri Hal
Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan;

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran
Muda 'Abdul Malik;

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran
Muda 'Abdul Wakeel.

Demikian juga diatas keberangkatan Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria; dan mengucapkan terima kasih di atas kehadiran:

Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet;

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat;

Yang Mulia Timbalan-Timbalan Menteri;

Tuan-Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi dan Duta Besar Ke Negara Brunei Darussalam;

Dif-dif kehormat, para hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Sekian.

***Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.***

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik junjung anugeraha.